

Media : Utusan

Date : 20 December 23

Ajinomoto lancar laman web memasak

PETALING JAYA: Ajinomoto (M) Berhad melancarkan laman web Smart Cooking iaitu platform memasak Semua-Dalam-Satu yang mesra pengguna bagi keperluan individu berpengalaman atau sebaliknya dalam dunia kulinari.

Menurut Syarikat itu, laman Web Smart Cooking merupakan platform komprehensif yang menyediakan lebih 100 resipi sihat, lazat serta kreatif untuk pelbagai jenis hidangan.

Katanya, laman web itu juga tersedia dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Mandarin.

"Anda boleh memilih dan menyesuaikan hidangan anda dengan mudah berdasarkan bahan-bahan pilihan anda, kaedah, tahap penguasaan, tempoh memasak, dan saiz hidangan.

"Sistem pintar ini secara automatik akan mengira bahan-bahan yang diperlukan secara tepat untuk saiz hidangan anda. Ia amat mudah dan memberikan anda inspirasi untuk menyediakan makanan yang seimbang untuk seisi keluarga anda dan pada masa sama mengurangkan pembaziran makanan," katanya dalam kenyataan.

Ajinomoto berkata, dalam dunia di mana kemampuan dan penggunaan sumber yang



LAMAN web memasak Ajinomoto menyediakan lebih 100 resipi masakan.

“

Anda kini boleh membeli produk Ajinomoto secara terus dari laman web dan kami akan menghantarnya ke rumah anda.”

cekap semakin penting, meminimumkan sisa makanan telah menjadi keutamaan utama bagi kebanyakan isi rumah.

Selain itu, katanya, dengan

menjadi ahli, orang ramai boleh menikmati pelbagai keistimewaan, termasuk mengumpul mata dengan setiap interaksi di laman web dan menukarnya dengan hadiah eksklusif.

"Selain itu, anda kini boleh membeli produk Ajinomoto secara terus dari laman web dan kami akan menghantarnya ke rumah anda.

"Dengan inovatif ini, AMB ingin merevolusikan perjalanan kulinari anda dengan menyediakan produk yang ringkas dan mudah di mana setiap hidangan akan menjadi kenangan abadi bersama keluarga secara tidak langsung membantu anda memahami moto kami iaitu "Eat Well, Live Well",” katanya.